

IKLIM ORGANISASI SEKOLAH DAN KEBERKESANAN LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN SEBAGAI FAKTOR PERAMAL KEPADA KOMPETENSI PENGAJARAN GURU MUZIK SEKOLAH RENDAH DI ZON TENGAH SEMENANJUNG MALAYSIA

SCHOOL ORGANIZATIONAL CLIMATE AND THE EFFECTIVENESS OF IN-SERVICE TRAINING AS A PREDICTION FACTORS TO THE TEACHING COMPETENCE OF ELEMENTARY SCHOOL MUSIC TEACHERS IN THE CENTRAL ZONE OF PENINSULAR MALAYSIA

Mohd Afiq Syimir bin Samsudin¹
Arnida binti Abdullah²
Suhaida binti Abdul Kadir³

¹Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia, (E-mail: afiqsyimir88@gmail.com)

²Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia, (E-mail: arnidaa@upm.edu.my)

³Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia, (E-mail: suhaida@upm.edu.my)

Article history

Received date : 8-5-2023
Revised date : 9-5-2023
Accepted date : 3-7-2023
Published date : 7-7-2023

To cite this document:

Samsudin, M. A. S., Abdullah, A., & Abdul Kadir, S. (2023). Iklim Organisasi Sekolah dan Keberkesanan Latihan dalam Perkhidmatan Sebagai Faktor Peramal Kepada Kompetensi Pengajaran Guru Muzik Sekolah Rendah di Zon Tengah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 6(19), 11 - 25.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh faktor iklim organisasi sekolah dan keberkesanan latihan dalam perkhidmatan (LDP) terhadap kompetensi pengajaran guru muzik sekolah rendah zon tengah, Semenanjung Malaysia. Selain itu, tahap setiap pemboleh ubah hubungan dan pengaruh antara ketiga-tiga pemboleh ubah juga dikaji. Pendekatan kuantitatif yang menekankan reka bentuk kajian korelasi digunakan dalam kajian ini di mana data dikumpul menggunakan soal selidik. Seramai 315 guru muzik dari zon tengah Semenanjung Malaysia terlibat berdasarkan pensampelan kelompok pelbagai peringkat. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengukur iklim organisasi sekolah, keberkesanan LDP, dan kompetensi pengajaran guru muzik adalah adaptasi daripada *Organizational Climate Description Questionnaire for Elementary School (OCDQ-RE)* oleh Hoy, Tarter, dan Kottkamp (1991), *Penilaian Kirkpatrick* (1994) dan *Music Teachers Competence Assessment Sheets (MTCAS)* oleh Adeola (2019). Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai, dan peratusan serta statistik inferens korelasi dan regresi bagi menjawab persoalan kajian yang telah dibentuk. Hasil analisis deskriptif setiap pemboleh ubah menunjukkan iklim organisasi sekolah ($M=2.835$, $SP=0.263$), keberkesanan LDP ($M=3.863$, $SP=0.608$), dan kompetensi pengajaran ($M=2.857$, $SP=0.603$). Manakala, hasil analisis inferens menunjukkan iklim organisasi sekolah dan keberkesanan LDP mempunyai hubungan yang sederhana kuat ($r=0.359$, $p<0.01$ dan $r=0.490$, $p<0.01$) serta terdapat pengaruh positif yang signifikan ($\beta=0.058$) terhadap kompetensi pengajaran guru muzik. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam meningkatkan

usaha ke arah penyediaan guru muzik sekolah rendah yang lebih kompeten dalam merealisasikan matlamat pendidikan negara dan memberi nilai tambah dalam pentadbiran pendidikan.

Kata Kunci: *Iklim Sekolah, LDP, Kompetensi Pengajaran.*

Abstract: *This study aims to identify the influence of school organizational climate factors and the effectiveness of in-service training on the teaching competence of primary school music teachers in the middle zone, of Peninsular Malaysia. In addition, the level of each variable and the relationship between the three variables were also studied. A quantitative approach that emphasizes correlational research design is used in this study where data is collected using a questionnaire. A total of 315 music teachers from the central zone of Peninsular Malaysia were involved based on multi-stage cluster sampling. The research instrument used to measure school organizational climate, the effectiveness of in-service training, and music teacher teaching competence is an adaptation of the Organizational Climate Description Questionnaire for Elementary School (OCDQ-RE) by Hoy, Tarter, and Kottkamp (1991), Kirkpatrick's Assessment (1994) and Music Teachers Competence Assessment Sheets (MTCAS) by Adeola (2019). The data obtained was analyzed using descriptive statistics such as mean, standard deviation, and percentage as well as correlation and regression inference statistics to answer the research questions that had been formed. The results of the descriptive analysis of each variable show the school's organizational climate ($M=2.835$, $SD=0.263$), the effectiveness of in-service training ($M=3.863$, $SD=0.608$), and teaching competence ($M=2.857$, $SD=0.603$). Meanwhile, the results of the inference analysis show that school organizational climate and the effectiveness of in-service training have a moderately strong relationship ($r=0.359$, $p<0.01$ and $r=0.490$, $p<0.01$) and there is a significant positive influence ($\beta=0.058$) on teacher teaching competence music. This study is expected to help schools and the Malaysian Ministry of Education in improving efforts towards the preparation of primary school music teachers who are more competent in realizing national education goals and providing added value in education administration.*

Keywords: *School Climate, LDP, Teaching Competencies*

Pengenalan

Bagi menggantikan sistem pendidikan penjajah, satu Dasar Pendidikan Kebangsaan telah digubal melalui Penyata Razak 1956 dan termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1957. Dasar ini telah disemak semula pada tahun 1960 yang menghasilkan Laporan Rahman Talib dan termaktub dalam Akta Pendidikan 1961. Mata pelajaran pendidikan muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) telah dilaksanakan di seluruh Malaysia pada tahun 1983. Kurikulum pendidikan muzik baharu telah diterbitkan pada tahun 1995 yang menjadikan mata pelajaran tersebut sebagai mata pelajaran wajib di peringkat sekolah rendah. Transformasi kurikulum sekali lagi berlaku dalam pendidikan di Malaysia pada tahun 2011 iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) digubal selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). KSSR terus disemak dan ditambah baik pada tahun-tahun berikutnya apabila Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 diperkenalkan.

Di Malaysia, walaupun penekanan yang semakin meningkat terhadap muzik dalam pendidikan rendah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih belum mendokumentasikan kompetensi pengajaran yang diperlukan untuk guru muzik sekolah rendah. Institut Pendidikan Guru (IPG) pula lebih menumpukan kepada pengetahuan dan kemahiran muzik secara am

seperti teori muzik, kemahiran asas nyanyian, dan bermain alat muzik (Chan, 2012). Chung (2019) telah menyenaraikan kompetensi yang diperlukan untuk melaksanakan kurikulum muzik dalam pendidikan rendah dan mendedahkan bahawa kompetensi guru muzik sekolah rendah bukan sahaja melibatkan kompetensi pengajaran muzik tetapi juga pelbagai kemahiran pedagogi lain dan kualiti peribadi guru muzik itu sendiri.

Di sekolah, biasanya terdapat guru muzik bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran muzik. Di sinilah pentingnya keberkesanan LDP dijalankan supaya guru-guru bukan opsyen ini lebih memahami dan jelas tentang kandungan mata pelajaran tersebut. Keberkesanan LDP ini dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan guru muzik bukan opsyen dengan mendedahkan mereka kepada teori muzik untuk diaplikasikan di dalam bilik darjah. Dalam pendidikan, kemahiran guru tidak mengira opsyen diperlukan untuk menyampaikan ilmu kepada murid. Guru perlu mendapat pendedahan tentang teori muzik kerana bidang ini telah diajar kepada murid tahun satu. Melalui ini, keberkesanan LDP juga akan memberi sedikit pengetahuan kepada guru muzik bukan opsyen untuk digunakan dalam pengajaran mata pelajaran pendidikan muzik di sekolah rendah.

Faktor lain yang mempengaruhi kompetensi pengajaran guru muzik ialah iklim organisasi sekolah. Iklim organisasi sekolah memainkan peranan penting dalam meningkatkan keupayaan pengajaran dan kecekapan guru muzik ke arah pencapaian matlamat organisasi. Kajian Raudhatul, Zarina, dan Elindra (2020) menyatakan iklim organisasi sekolah mempunyai pengaruh yang positif terhadap kerja guru. Oleh sebab itu, iklim organisasi sekolah mestilah mempunyai iklim yang kondusif supaya guru dapat bekerja, sesuai dengan tuntutan tugas mereka. Oleh itu, kompetensi seseorang dipengaruhi oleh iklim organisasi yang positif.

Penyataan Masalah

Dalam kajian yang mengkaji kompetensi pengajaran guru muzik di peringkat global, dilihat kompetensi pengajaran guru muzik ini perlu dipertingkatkan (Elaldi, Batdi & Olger, 2020). Dalam kajian yang dijalankan oleh Denis dan Tucker (2021) pula mendapati bahawa amat sukar bagi guru muzik bukan opsyen untuk mempunyai tahap amalan pengajaran terbaik dalam mata pelajaran pendidikan muzik.

Satu lagi kajian yang dijalankan oleh Chung (2021) menyatakan pembekalan guru untuk mengajar mata pelajaran pendidikan muzik sangat tidak mencukupi dan sebahagian besar guru dilatih semasa atau selepas dipertanggungjawabkan untuk mengajar mata pelajaran tersebut. Ini mengakibatkan guru tersebut kurang keyakinan dalam mengajar mata pelajaran pendidikan muzik. Kajian mengenai kompetensi pengajaran guru dalam pendidikan muzik sekolah rendah adalah terhad dan cadangan dalam literatur untuk menambah baik kompetensi pengajaran guru muzik sering tidak jelas.

Selain itu, difahamkan guru muzik yang ditempatkan di sekolah tidak mencukupi. Melalui satu lagi kajian oleh Susic (2018) tentang kompetensi pengajaran guru muzik sekolah rendah, dilihat guru bukan opsyen berasa tidak yakin terhadap PdP muzik dan mereka percaya bahawa mata pelajaran ini harus diajar oleh guru muzik opsyen sahaja. Guru muzik bukan opsyen tidak mempunyai kelayakan dan iktisad dalam bidang pendidikan muzik (Celiktas, Engur & Ozeke, 2021). Keadaan ini boleh dianggap penyebab kepada kurangnya kompetensi pengajaran dalam kalangan guru muzik di sekolah rendah (Chung, 2021).

Di Malaysia, menurut Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (dalam Dasar & Strategi Pembangunan Industri Muzik Malaysia, 2005), KPM tidak mempunyai cukup bilangan guru

muzik yang berpendidikan dan mahir dalam bidang muzik. Kebanyakan sekolah rendah mengatasi masalah ini dengan menggunakan khidmat guru secara guna sama dengan bidang lain asalkan guru tersebut mempunyai sedikit pengetahuan asas dalam bidang muzik. Selain itu, pengetahuan guru tentang kemahiran-kemahiran baharu dalam PdP abad ke-21 dikatakan masih berada pada tahap yang rendah, seperti yang dilaporkan oleh kajian keperluan *Kestrel Education Consultant* (UK) dan *21st Century Schools* (USA) dan ianya memerlukan perubahan agar inovasi kurikulum yang dirancang oleh KPM akan mencapai sasaran (Standard Guru Malaysia, 2009).

Namun, kebanyakan penyelidik dalam kajian-kajian lepas hanya menumpukan kepada kompetensi pengajaran guru dalam bidang lain dan masih kurang kajian ke atas kompetensi pengajaran guru dalam bidang ini. Masalah pengajaran tersebut ada hubungan dengan ketidakupayaan guru menggunakan modul dan model dalam pengajaran (Rozaini, 2017). Johami Abdullah (dalam *Vision of Research in Music Education*, 2021) menyatakan bahawa kualiti pengajaran muzik tidak memuaskan secara keseluruhannya kerana kebanyakan guru muzik terbabit tidak mendapat latihan yang mencukupi. Peralatan yang dibekalkan oleh KPM sudah lapuk dan jarang diganti dan ini menjejaskan pengajaran guru. Pendidikan muzik bukanlah mata pelajaran yang diuji dalam peperiksaan awam, justeru terdapat sekolah yang tidak mementingkan mata pelajaran ini. Tahap pendidikan muzik formal hanya di peringkat rendah, peluang mengembangkan potensi dan bakat dalam bidang muzik adalah terhad manakala aktiviti muzik luar sekolah seperti persatuan muzik sekolah hanya wujud di sekolah yang mampu menyediakan peralatan muzik.

Menurut Norsyakila, Syahiran, Oswald dan Seri (2021), antara isu yang berkait dengan kompetensi pengajaran guru muzik ialah pertama, guru kurang mengaplikasikan pengajaran abad ke-21, di mana guru lemah dalam penggunaan teknologi ICT, guru tidak melibatkan murid dalam aktiviti kumpulan yang aktif dan guru tidak dapat mengawal murid sehingga menyebabkan kelas menjadi terlalu bising dan tidak terkawal. Kedua, guru mengajar mata pelajaran bukan opsyen dan luar bidang, di mana masalah kekurangan guru semakin meningkat akibat pembukaan sekolah-sekolah baharu, pengambilan guru interim lebih kepada kekosongan guru yang ada, guru luar bidang tidak mempunyai kelayakan sijil dalam mata pelajaran muzik, masalah pengagihan guru yang tidak seimbang di sekolah-sekolah dan guru terpaksa akur dengan arahan pentadbir untuk menggantikan tempat guru yang kosong. Ketiga, pengurangan masa pembelajaran pendidikan muzik di Malaysia, di mana waktu dikurangkan dari satu jam kepada 30 minit dan masa muzik dalam seminggu dikurangkan untuk memberikan lebih masa kepada mata pelajaran teras yang lebih besar seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Keempat, guru muzik tidak berkualiti, di mana guru tidak menepati masa, guru tidak menguasai sesuatu bidang atau topik yang diajar dan guru hanya mengajar sesuatu teori tanpa menunjukkan cara bermain *scale* menggunakan piano.

Nadiah (2021) dalam kajiannya menyatakan bahawa guru muzik sukar mendapatkan bahan sumber mata pelajaran pendidikan muzik dalam bahasa kebangsaan seperti bahan bertulis, audio mahupun video. Kebanyakan bahan sumber muzik ditulis atau dituturkan dalam bahasa asing yang mana menyukarkan guru untuk memahami keseluruhan bahan tersebut.

Hasil dapatan kajian oleh Norfariza et al. (2018) menunjukkan bahawa tahap kompetensi pengajaran guru di sekolah rendah adalah masih di tahap sederhana. Komitmen guru dengan bebanan tugas kerja dalam organisasi juga menyebabkan guru kurang memberikan penekanan untuk memahami dan menggunakan pendekatan kreatif dalam pengajaran mereka.

Menurut Zuraini dan Mahaliza (2019), terdapat beberapa kelemahan dalam kajian mereka mengenai keberkesanan LDP terhadap kompetensi pengajaran guru sekolah rendah. Dapatan kajian mereka tidak dapat digeneralisasikan kepada semua populasi dan tempat. Justeru, kajian yang akan datang patut dilanjutkan dengan jumlah data yang lebih optimum. Selain itu, kajian yang lebih terperinci mengenai keberkesanan LDP terhadap kompetensi pengajaran guru perlu dijalankan supaya semakin banyak model dan instrumen yang boleh digunakan untuk menilai standard dan kualiti LDP guru secara berterusan. Pelbagai usaha dan alternatif perlu dicari dalam menyediakan pelan latihan kepada guru-guru dalam usaha meningkatkan tahap kompetensi mengikut keperluan pengajaran mereka (Salwa & Aziah, 2020).

Kajian Literatur

Hubungan Iklim Organisasi Sekolah Dengan Kompetensi Pengajaran

Hubungan antara iklim organisasi sekolah dan kompetensi pengajaran guru muzik adalah saling berpengaruh. Iklim organisasi yang positif dapat membantu meningkatkan kompetensi pengajaran guru muzik kerana penciptaan lingkungan yang kondusif untuk pembangunan profesional dan peningkatan keterampilan. Guru muzik yang berada dalam lingkungan positif akan merasa lebih diterima dan merasa nyaman untuk berkongsi idea dan memberikan pengajaran yang inovatif (Iqbal, Aftab & Nadeem, 2020). Dari sudut lain, guru muzik yang memiliki kompetensi pengajaran yang baik juga dapat mempengaruhi iklim organisasi sekolah dengan memberikan pengajaran yang efektif dan berkualiti. Ini dapat membantu meningkatkan motivasi murid dan mencipta lingkungan pembelajaran yang positif, yang akhirnya dapat membantu memperkuat iklim organisasi sekolah secara keseluruhan (Yahya, Faiz, Rozimi, Rahimi, Kasa, Sofian & Hareesol, 2021).

Seterusnya, Roslee et al. (2020) dalam kajiannya menyimpulkan bahawa iklim organisasi sekolah mempunyai amalan yang tinggi dalam persekitaran kerja guru dengan warga sekolah adalah baik, di mana keadaan ini mampu meningkatkan kompetensi pengajaran guru. Iklim sekolah dalam konteks kajian mereka adalah meningkatkan keperluan komunikasi antara individu yang terlibat di dalam sesuatu tugas. Keputusan analisis yang dijalankan mendapati semua pemboleh ubah menunjukkan skor min adalah tinggi berdasarkan tafsiran cadangan oleh Levin dan Rubin (1998) iaitu pemboleh ubah iklim organisasi sekolah ($M=4.34$, $SP=0.29$), pemboleh ubah kompetensi guru ($M=4.30$, $SP=0.25$) dan kualiti guru ($M=4.29$, $SP=0.32$). Skor min semua pemboleh ubah menunjukkan nilai melebihi 3.67, iaitu menghampiri nilai maksimum 5 (sangat setuju).

Tahap iklim organisasi sekolah yang tinggi dalam kajian Roslee et al. (2020) iaitu guru mempunyai kepimpinan kolektif, tingkah laku guru yang profesional, penekanan kepada kompetensi dan pendedahan institusi adalah sejajar dengan beberapa hasil penyelidikan terdahulu seperti Haidi dan Khairuddin (2019), Aziz dan Hussin (2017), Anjilus dan Talip (2018), Suhaili & Khaliza (2017), Hamzah, Ibrahim dan Ghavifekr (2018). Dapatan kajian mereka menunjukkan guru menilai peranan iklim organisasi sekolah yang sihat dan kondusif lebih menekankan kepentingan ahli dalam menentukan hala tuju organisasi sesuai dengan ciri-ciri iklim organisasi sekolah yang bermatlamat ke arah pencapaian kompetensi pengajaran yang cemerlang.

Selain itu, kajian oleh Suhaili et al. (2017) telah memberi sumbangan yang lebih terhadap penambahbaikan di sekolah khususnya dalam memantapkan tahap kompetensi pengajaran guru sekiranya ia dinilai dari aspek iklim organisasi sekolah. Ia menunjukkan bahawa sesungguhnya, iklim organisasi sekolah adalah satu aspek yang perlu dititikberatkan di semua organisasi

pendidikan kerana sumbangannya yang positif kepada tahap kompetensi pengajaran guru. Kajian ini menunjukkan bahawa kompetensi pengajaran guru secara signifikan mempunyai hubungan yang positif dengan iklim organisasi sekolah dan hubungan tersebut adalah sederhana. Ini menunjukkan bahawa sekiranya iklim organisasi sekolah berada dalam keadaan yang positif, tahap kompetensi pengajaran guru juga akan bertambah (Suhaili et al., 2017). Dapatan melalui kajian ini menunjukkan skor min bagi setiap sub konstruk mempamerkan bahawa tahap iklim organisasi adalah tinggi (Suhaili et al., 2017). Keputusan analisis menunjukkan bahawa tahap komitmen kerja guru bagi sekolah-sekolah yang dikaji adalah sederhana tinggi ($M=4.67$, $SP=0.65$) dan tahap iklim organisasi sekolah pula berada pada tahap tinggi ($M=5.15$, $SP=0.52$).

Hubungan Keberkesanan Latihan Dalam Perkhidmatan Dengan Kompetensi Pengajaran

Terdapat hubungan yang signifikan antara keberkesanan LDP dengan kompetensi pengajaran guru muzik. Keberkesanan LDP membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru muzik, yang akhirnya membantu meningkatkan kualiti pengajaran. Latihan yang baik dan efektif memastikan bahawa guru memiliki kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk memberikan pengajaran yang berkualiti dan mencapai tujuan (Lindsay & Beng, 2021). Dengan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru muzik melalui LDP yang berkesan, guru dapat lebih percaya diri dalam memberikan pengajaran yang efektif. LDP juga dapat membantu guru mengatasi masalah yang mungkin dihadapi dalam pengajaran dan memperbaiki kualiti pengajaran secara keseluruhan. Kesimpulannya, keberkesanan LDP sangat penting untuk meningkatkan kompetensi pengajaran guru muzik dan memastikan bahawa guru memiliki kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk memberikan pengajaran yang berkualiti dan membantu murid mencapai potensi mereka (Antonio, Juan, Garcia & Raul, 2022).

Di dalam negara, dapatan kajian oleh Sapie et al. (2021) menunjukkan perubahan tingkah laku guru dari aspek pengajaran melalui elemen perancangan, strategi dan pelaksanaan PdP dalam kalangan guru setelah menghadiri LDP adalah tinggi di antara 4.06 hingga 4.21. elemen yang mendapat skor min tertinggi adalah pelaksanaan pengajaran ($M=4.21$, $SP= 0.827$). Berdasarkan data tersebut, dapatlah difahami bahawa guru-guru telah menunjukkan tahap perubahan yang positif dari aspek kompetensi dalam pengajaran. Perubahan kompetensi guru tersebut menjadi petunjuk bahawa LDP yang dianjurkan telah berjaya meningkatkan kualiti pengajaran guru-guru dari aspek perancangan, strategi dan pelaksanaan pengajaran. Selaras dengan itu, terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku guru dengan peningkatan kompetensi pengajaran. Penerimaan guru-guru terhadap latihan yang dibekalkan adalah sederhana.

Aspek perancangan dan pengurusan LDP mempunyai hubungan yang signifikan dan sederhana dengan peningkatan kompetensi pengajaran guru. Ini membuktikan bahawa LDP dapat meningkatkan kompetensi pengajaran guru dengan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan mereka dalam amalan seharian di bilik darjah (Zabidi et al., 2014). Keberkesanan LDP memberikan guru-guru peluang untuk belajar sepanjang hayat dan seterusnya meningkatkan kompetensi pengajaran mereka. Sementara itu, kajian oleh Rusliza et al. (2017) mendapati hubungan antara LDP dengan efikasi sendiri guru adalah positif. Analisis nilai pekali korelasi yang peroleh adalah 0.317.

Pengaruh Iklim Organisasi Sekolah Terhadap Kompetensi Pengajaran

Kajian-kajian yang ketara dalam pengurusan perubahan telah mendapati bahawa faktor penting yang mempengaruhi sebarang perubahan kompetensi pengajaran guru adalah penentangan individu terhadap perubahan yang berkait rapat dengan sikap positif atau negatif untuk

perubahan (Aslan, Beycioglu & Konan, 2008; Bouckenoooghe, 2009). Didapati iklim organisasi sekolah lebih mencabar kerana banyak perubahan yang berlaku dalam dunia pendidikan kini. Kajian Devos, Tuytens dan Hulpia (2014) menyatakan bahawa iklim organisasi sekolah, sebagai faktor yang berpengaruh. Hasil keputusan deskriptif yang dibentangkan mendapati bahawa guru besar (ketua organisasi) adalah faktor utama yang memimpin guru dalam meningkatkan kompetensi pengajaran ($M=2.58$).

Manakala Wijayanto (2017) membuktikan iklim yang positif mempengaruhi organisasi terhadap kompetensi ahli organisasi dan mampu meningkatkan kepuasan dalam melakukan kerja. Hasil kajiannya menunjukkan iklim organisasi memberi kesan positif dan signifikan terhadap kerja warga pendidik. Ini bermakna persepsi pendidik terhadap iklim organisasi mampu membuatkan mereka berasa gembira dengan pengagihan tugas mengikut kemampuan masing-masing, sikap saling menghormati antara satu sama lain ditunjukkan apabila rakan-rakan lain menerima anugerah atas pencapaian mereka, memberikan ucapan tahniah dan memberikan motivasi sesama rakan sekerja, positif dalam menyiapkan tugas yang diberikan serta pendidik percaya ganjaran telah diberikan secara adil sesuai dengan sumbangan mereka kepada organisasi. Dari sudut lain, iklim organisasi yang negatif dapat menghambat pengembangan profesional guru muzik dan mempengaruhi kualiti pengajaran. Guru muzik yang merasa tidak diterima atau tidak selesa dalam lingkungan sekolah mereka mungkin kurang bersemangat dan kurang kompeten dalam pengajaran mereka (Nagler, 2016).

Selain itu, di Malaysia, kajian Maisura (2007) misalnya, mendapati wujudnya pengaruh iklim organisasi terhadap kompetensi warga organisasi. Kajian Iqbal (2012) menunjukkan bahawa gaya kepimpinan dan iklim organisasi dengan motivasi kerja sebagai pemboleh ubah pengantaraan (*intervening*) berpengaruh positif dan signifikan terhadap kompetensi pekerja. Wan Na (2013) dalam kajian penyelidikannya menunjukkan terdapat perkaitan yang sederhana kuat di antara enam elemen dalam iklim organisasi dengan kompetensi kerja. Berdasarkan tinjauan literatur, didapati wujud pengaruh iklim organisasi sekolah ke atas kompetensi pengajaran guru terhadap perubahan dalam pendidikan abad ke-21 seperti afektif, kognitif dan tingkah laku (Suhaimi & Khairuddin, 2021). Hasil kajian ini sejajar dengan kajian Khaziah dan Fauzi (2016), Talip dan Malinkun (2020) yang menyatakan bahawa tahap iklim organisasi berada pada tahap yang tinggi. Selari dengan pandangan Adil (2016), dapatan ini adalah menyokong kebenaran pandangan tersebut bahawa iklim organisasi sekolah mampu mempengaruhi kompetensi dan persepsi guru mengenai sesuatu perkara.

Dapatan kajian Suhaimi dan Khairuddin (2021) menunjukkan iklim organisasi sekolah memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi kompetensi pengajaran guru terhadap perubahan dalam pendidikan. Ringkasnya, kajian ini membuktikan bahawa teori dan model berkaitan masih relevan dengan situasi semasa. Iklim organisasi sekolah yang baik membantu guru-guru menentukan kejayaan pelaksanaan sesuatu perubahan dalam organisasi pendidikan. Kajian ini juga membuktikan guru sangat berpengaruh dalam menentukan keberhasilan sebarang perubahan yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara. Iklim organisasi sekolah memiliki pengaruh yang signifikan terhadap kompetensi pengajaran guru muzik. Iklim organisasi yang positif dapat membantu meningkatkan kompetensi guru muzik dan membantu mereka mengembangkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Ini dapat dilakukan dengan memberikan sokongan dan akses yang diperlukan untuk pembangunan profesional, termasuklah latihan dan pendidikan serta memberikan ruang untuk pengajaran yang inovatif dan kreatif (Yahya et al., 2020).

Pengaruh Keberkesanan Latihan Dalam Perkhidmatan Terhadap Kompetensi Pengajaran


Faktor yang mempengaruhi kompetensi pengajaran guru ialah penglibatan dalam LDP (Ali, 2019). Francesca (2012) menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang berpengaruh positif antara kualiti LDP dengan kompetensi pengajaran guru. Sanjaya (2005) menyatakan bahawa kompetensi pengajaran guru adalah berkaitan dengan perancangan, pengelolaan pembelajaran dan penilaian hasil pembelajaran murid. Suryosubroto (2009) mengelompokkan tugas guru dalam proses PdP ke dalam tiga aspek, iaitu: (i) merancang pembelajaran, (ii) melaksanakan pembelajaran dan (iii) melaksanakan penilaian hasil pembelajaran murid.

Kajian Sharifah (2012) menyatakan kekerapan bilangan hari LDP yang dihadiri mempunyai pengaruh yang positif terhadap kompetensi pengajaran guru. Melihat akan perkara itu, membuktikan bahawa semakin kerap guru menghadiri LDP, semakin positif kompetensi pengajaran guru tersebut. Belum optimumnya kompetensi pengajaran guru merupakan masalah yang perlu diteliti terutama untuk mencari penyelesaian dan faktor yang sangat berpotensi dalam mempengaruhi kompetensi pengajaran guru. Berdasarkan permasalahan tersebut, maka menjadi satu tanggungjawab sekolah dalam merangka peningkatan kompetensi pengajaran guru dengan penerapan sekolah efektif. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi sekolah efektif. Salah satu faktor yang mempengaruhi adalah kompetensi pengajaran guru. LDP, sekolah dan kompetensi pengajaran guru saling mempengaruhi antara satu sama lain (Ali, 2019).

Berdasarkan kajian oleh Akbar (2019), beliau menyimpulkan bahawa LDP guru berpengaruh secara signifikan terhadap kompetensi pengajaran guru. Fakta empirikal menunjukkan adanya pengaruh LDP terhadap kompetensi pengajaran guru. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa LDP mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kompetensi pengajaran guru. LDP yang efektif boleh mempertingkatkan kompetensi pengajaran guru muzik. LDP dapat membekalkan guru muzik dengan pengetahuan dan kemahiran baharu, serta memberikan mereka peluang untuk mengaplikasikan apa yang mereka pelajari dalam situasi sebenar pengajaran. Ini boleh meningkatkan kemahiran teknikal guru muzik, pemahaman tentang konsep-konsep muzik dan keupayaan untuk mengintegrasikan teknik pengajaran yang berkesan dalam aktiviti pengajaran. Kebaikan-kebaikan ini boleh meningkatkan kualiti pengajaran guru muzik dan memberikan impak positif terhadap prestasi murid (Christine, Wong & Colleen, 2017).

Kerangka Teori Kajian

Kebiasaannya, kajian kuantitatif tidak memerlukan teori. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh disokong oleh kajian lain yang menggunakan kaedah penyelidikan yang hampir sama. Menurut Normaliza (2019), kajian kuantitatif ini juga mestilah mempunyai rujukan dan tidak boleh berdiri sendiri.



Rajah 1: Kerangka Teori Kajian

Berdasarkan Rajah 1, Teori Kompetensi Boyatzis (2008), Teori Atribut (Heider, 1958; Jones & Davis, 1965; Kelly, 1967) dan Model Penilaian Kirkpatrick (1993) digunakan sebagai tunjang dalam kajian ini bagi mengkaji pengaruh dan hubungan antara iklim organisasi sekolah dan keberkesanan LDP dengan kompetensi pengajaran guru muzik sekolah rendah di zon tengah.

Metodologi Kajian

Penyelidikan ini merupakan kajian korelasi menggunakan soal selidik. Kaedah kuantitatif yang dipilih bertujuan untuk mengetahui tahap kompetensi pengajaran guru muzik sekolah rendah di zon tengah Semenanjung Malaysia yang mungkin dipengaruhi oleh iklim organisasi sekolah dan keberkesanan LDP. Kaedah ini sesuai untuk kajian kerana mudah untuk mendapatkan maklumat tentang perkara dan peristiwa yang berlaku. Lokasi kajian adalah di Semenanjung Malaysia, di mana pengkaji telah memilih zon tengah berdasarkan beberapa faktor. Zon tengah ini mewakili negeri Selangor, Kuala Lumpur, dan Putrajaya. Kriteria bagi jenis sekolah rendah yang terlibat ialah sekolah rendah kerajaan aliran perdana termasuk Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Kajian ini melibatkan guru muzik sekolah rendah di zon tengah Semenanjung Malaysia dan populasi guru muzik adalah seramai 1,738 orang sehingga Jun 2022 (KPM). Jumlah populasi ini mungkin kurang tepat kerana terdapat guru muzik bukan opsyen yang diarahkan untuk mengajar mata pelajaran pendidikan muzik dari semasa ke semasa. Bagi saiz sampel kajian ini, pengkaji memilih saiz sampel yang dicadangkan oleh Cochran (1977) iaitu seramai 315 orang berdasarkan pengiraan sampel terhingga (*finite*). Menentukan saiz sampel dengan pengiraan sampel terhingga Cochran adalah teknik yang digunakan untuk menentukan bilangan sampel yang diperlukan dalam kajian. Teknik ini mengambil kira beberapa faktor seperti varians populasi, tahap kebolehppercayaan, dan tahap signifikan yang dikehendaki (Dell, Holleran & Ramakrishnan, 2012).

Persampelan kelompok pelbagai peringkat digunakan untuk mendapatkan sampel kerana terdapat pembahagian sub-kumpulan yang tidak seimbang seperti setiap kumpulan negeri dan daerah adalah berbeza. Melalui teknik ini, sampel dipilih daripada populasi dengan mengurangkan bilangan pada setiap peringkat. Kaedah ini sering digunakan untuk tujuan mengumpul data daripada kumpulan yang besar atau dalam kawasan geografi yang luas (Creswell, 2015).

Analisis

Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian untuk menilai hubungan antara iklim organisasi sekolah dengan keberkesanan LDP terhadap kompetensi pengajaran guru muzik. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian: Bahagian A (Profil Demografi), Bahagian B (Iklim Organisasi Sekolah), Bahagian C (Keberkesanan LDP), dan Bahagian D (Kompetensi Pengajaran Guru Muzik). Bahagian A membincangkan butiran demografi responden seperti jantina, umur, jenis sekolah, kehadiran LDP, tahap pendidikan, opsyen ikhtisas dan tahun pengalaman mengajar. Bahagian B terdiri daripada item-item yang mengukur iklim organisasi sekolah berdasarkan dimensi yang diadaptasi dan diubah suai daripada Organizational Climate Description Questionnaire for Elementary Schools (OCDQ-RE) oleh Hoy (1991) berpandukan Teori Atribut (Heider, 1958; Jones & Davis, 1965). Kelly, 1967). Bahagian C digariskan untuk mengukur keberkesanan LDP yang diadaptasi dan diubah suai daripada item penilaian Kirkpatrick berdasarkan Model Penilaian Kirkpatrick (1994). Manakala Bahagian D pula terdiri daripada item yang mengukur kompetensi pengajaran guru muzik yang diadaptasi dan diubah suai daripada Music Teacher Competence Assessment Sheet (MTCAS) oleh Adeola (2019) berdasarkan Teori Kompetensi Boyatzis (2008). Bahan-bahan yang diedarkan kepada responden tinjauan termasuk soal selidik dan surat persetujuan responden yang mengandungi maklumat tentang tujuan kajian ini melalui *Google Forms*.

Pengukuran tahap persepsi responden terhadap iklim organisasi sekolah, keberkesanan LDP dan kompetensi pengajaran ditentukan melalui skor yang dikategorikan kepada tiga tahap iaitu tinggi, sederhana, dan rendah (Dzulkifli, 1996).

Kebolehpercayaan data boleh diperolehi apabila sesuatu ujian digunakan berulang kali dan menghasilkan keputusan yang sama. Ujian kebolehpercayaan dilakukan untuk menguji ketekalan dan kestabilan ukuran yang digunakan. Alpha Cronbach menunjukkan bagaimana item yang digunakan sebagai satu set ukuran berkorelasi secara positif. Semakin dekat Alpha Cronbach kepada nilai 1, semakin tinggi konsistensinya. Tafsiran nilai dan kekuatan berdasarkan *Rule of Thumbs* dan Skala Hair, Money, and Samuel (2007) untuk menilai Alpha Cronbach digunakan sebagai panduan.

Dapatan Kajian

Kebolehpercayaan

Jadual 1 menunjukkan analisis kebolehpercayaan keseluruhan item dan konstruk setiap pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian. Kekuatan hubungan bagi semua pemboleh ubah adalah sangat baik dan cemerlang (Hair et al., 2007). Oleh itu, setiap item dalam konstruk menawarkan hasil yang konsisten.

Jadual 1: Alpha Cronbach Setiap Item Pemboleh Ubah

Pemboleh Ubah	Jumlah Items	Alpha Cronbach
Iklim Organisasi Sekolah	42	.806
Keberkesanan LDP	20	.973
Kompetensi Pengajaran	44	.982

Statistik Deskriptif

Jadual 2 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi dimensi kompetensi kognitif. Min keseluruhan ialah 2.405 dan sisihan piawai ialah 0.840. Ini bermakna min kompetensi kognitif adalah antara 2.225 dan 2.606 iaitu antara skala 2 dan skala 3. Item D1 mempunyai min tertinggi dan item D4 mempunyai min terendah.

Jadual 2: Min dan Sisihan Piawai Kompetensi Kognitif

No	Item	Min	Sisihan Piawai
D1	Pengetahuan dalam muzik.	2.606	.916
D2	Penulisan skor muzik.	2.476	.939
D3	Pembacaan skor muzik.	2.486	.932
D4	Keaslian ciptaan gubahan muzik.	2.225	.865
D5	Kesesuaian ciptaan gubahan muzik.	2.232	.841
Keseluruhan Dimensi Kompetensi Kognitif		2.405	.840

Jadual 3 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi dimensi kompetensi afektif. Min keseluruhan ialah 2.716 dan sisihan piawai ialah 0.781. Ini bermakna min kompetensi afektif adalah antara 2.543 dan 2.898 iaitu antara skala 2 dan skala 3. Item D7 mempunyai min tertinggi dan item D10 mempunyai min terendah.

Jadual 3: Min dan Sisihan Piawai Kompetensi Afektif

No	Item	Min	Sisihan Piawai
D6	Reaksi motor terhadap muzik.	2.737	.816
D7	Pendengaran jenis-jenis muzik.	2.898	.804
D8	Mengenali banyak ciri muzik.	2.727	.907
D9	Mengetahui pelbagai jenis muzik.	2.771	.891
D10	Mengenal pasti tempoh dan tipologi dalam muzik.	2.543	.885
D11	Mengingati muzik yang didengar.	2.622	.892
Keseluruhan Dimensi Kompetensi Afektif		2.716	.781

Jadual 4 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi dimensi kompetensi psikomotor. Min keseluruhan ialah 2.647 dan sisihan piawai ialah 0.744. Ini bermakna min kompetensi psikomotor adalah antara 2.492 dan 2.813 iaitu antara skala 2 dan skala 3. Item D17 mempunyai min tertinggi dan item D25 mempunyai min terendah.

Jadual 4: Min dan Sisihan Piawai Kompetensi Psikomotor

No	Item	Min	Sisihan Piawai
D12	Kestabilan nada semasa menyanyi.	2.718	.870
D13	Kualiti ekspresif dalam nyanyian.	2.743	.896
D14	Menyanyi dengan irama yang betul.	2.775	.898
D15	Artikulasi semasa menyanyi.	2.683	.882
D16	Reaksi motor semasa menyanyi.	2.718	.885
D17	Ketepatan melodi dalam nyanyian.	2.813	.863
D18	Ketepatan melodi semasa memainkan alat muzik.	2.657	.843
D19	Ketepatan irama semasa bermain alat muzik.	2.610	.883
D20	Artikulasi semasa bermain alat muzik.	2.654	.880
D21	Kejelasan nada semasa bermain alat muzik.	2.644	.860
D22	Kualiti ekspresif semasa bermain alat muzik.	2.610	.850
D23	Kesesuaian tarian semasa menari.	2.556	.903
D24	Koordinasi badan semasa menari.	2.537	.904
D25	Mengetahui jenis pergerakan dalam tarian.	2.492	.911
D26	Menyelaras pergerakan semasa menari.	2.495	.915
Keseluruhan Dimensi Kompetensi Psikomotor		2.647	.744

Jadual 5 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi dimensi kompetensi pedagogi. Min keseluruhan ialah 3.204 dan sisihan piawai ialah 0.543. Ini bermakna min kompetensi pedagogi adalah antara 2.876 dan 3.235 iaitu antara skala 2 dan skala 4. Item D35 mempunyai min tertinggi dan item D29 mempunyai min terendah.

Jadual 5: Min dan Sisihan Piawai Kompetensi Pedagogi

No	Item	Min	Sisihan Piawai
D27	Penulisan rancangan pengajaran muzik.	2.889	.784
D28	Aturan prosedur pengajaran muzik.	2.879	.764
D29	Menguasai mata pelajaran muzik.	2.876	.802
D30	Amalan kaedah pengajaran tokoh muzik seperti Carl Orff, Kodaly atau Dalcroze.	2.943	.746
D31	Kepelbagaian bahan pengajaran.	2.946	.770
D32	Pengurusan bilik darjah / bilik muzik.	3.168	.714
D33	Kejelasan suara semasa mengajar.	3.222	.750
D34	Tulisan kemas dan mudah dibaca.	3.156	.730
D35	Penyertaan dan penglibatan murid sepanjang pengajaran.	3.235	.715
D36	Peneguhan terhadap respons murid.	3.152	.674
D37	Kepelbagaian teknik penilaian berkesan.	3.143	.645
D38	Penerimaan kritikan umum berkait pengajaran.	2.987	.686
Keseluruhan Dimensi Kompetensi Pedagogi		3.204	.543

Jadual 6 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi dimensi kompetensi profesional. Min keseluruhan ialah 3.512 dan sisihan piawai ialah 0.527. Ini bermakna min kompetensi profesional adalah antara 3.492 dan 3.533 iaitu antara skala 3 dan skala 4. Item D40 mempunyai min tertinggi dan item D39 mempunyai min terendah.

Jadual 6: Min dan Sisihan Piawai Kompetensi Profesional

No	Item	Min	Sisihan Piawai
D39	Hubungan dengan rakan sekerja.	3.492	.583
D40	Hubungan dengan murid.	3.533	.571
D41	Disiplin diri.	3.496	.588
D42	Pemakaian dan keterampilan.	3.527	.571
D43	Aturan kerja.	3.514	.572
D44	Patuh kepada pihak berkuasa.	3.508	.588
Keseluruhan Dimensi Kompetensi Profesional		3.512	.527

Statistik Inferensi – Analisis Korelasi Pearson

Analisis korelasi Pearson seperti dalam Jadual 7 menunjukkan hubungan signifikan yang sederhana kuat antara iklim organisasi sekolah dengan kompetensi pengajaran guru muzik ($r=0.359$, $p<0.01$). Pengkaji membuat kesimpulan bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana kuat antara iklim organisasi sekolah dengan kompetensi pengajaran guru muzik. Berdasarkan hasil analisis ini, pengkaji membuat kesimpulan bahawa dalam populasi guru muzik sekolah rendah di zon tengah Semenanjung Malaysia ini, iklim organisasi sekolah mempunyai hubungan yang sederhana kuat dengan kompetensi pengajaran guru muzik.

Jadual 7: Korelasi dan Hubungan Iklim Organisasi Sekolah dengan Kompetensi Pengajaran Guru Muzik.

		Iklim Organisasi Sekolah	Kompetensi Pengajaran
Iklim Organisasi Sekolah	Pearson Correlation	1	.359**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	315	315
Kompetensi Pengajaran	Pearson Correlation	.359**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	315	315

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Analisis korelasi Pearson seperti dalam Jadual 8 menunjukkan hubungan signifikan yang sederhana kuat antara keberkesanan LDP dan kompetensi pengajaran guru muzik ($r=0.490$, $p<0.01$). Pengkaji membuat kesimpulan bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana kuat antara keberkesanan LDP dengan kompetensi pengajaran guru muzik. Berdasarkan hasil analisis ini, pengkaji membuat kesimpulan bahawa dalam populasi guru muzik sekolah rendah zon tengah Semenanjung Malaysia, keberkesanan LDP mempunyai hubungan yang sederhana kuat dengan kompetensi pengajaran guru muzik.

Jadual 8: Korelasi dan Hubungan Keberkesanan Latihan Dalam Perkhidmatan dengan Kecekapan Pengajaran Guru Muzik.

		Keberkesanan LDP	Kompetensi Pengajaran
Keberkesanan LDP	Pearson Correlation	1	.490**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	315	315
Kompetensi Pengajaran	Pearson Correlation	.490**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	315	315

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Statistik Inferensi – Analisis Regresi Linear Berganda

Jadual 9 di bawah menunjukkan pengaruh iklim organisasi sekolah dan keberkesanan LDP terhadap kompetensi pengajaran guru muzik menggunakan analisis regresi berganda.

Jadual 9: Analisis Regresi Linear Berganda Iklim Organisasi Sekolah dan Keberkesanan LDP Terhadap Kompetensi Pengajaran Guru Muzik

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1 (Constant)	.058	.322		.179	.858
Iklim Organisasi Sekolah	.430	.122	.188	3.524	.000
Keberkesanan LDP	.409	.053	.412	7.748	.000

a. Dependent Variable: Kompetensi Pengajaran

Berdasarkan Jadual 9 di atas, analisis regresi linear berganda boleh dihuraikan seperti berikut:

$$Y = \alpha + \beta_1X_1 + \beta_2X_2 + e$$

$$Y = 0.058 + 0.430X_1 + 0.409X_2 + e$$

Daripada analisis regresi linear berganda di atas, dapat dijelaskan bahawa nilai pemalar positif (0.058) menunjukkan pengaruh positif antara iklim organisasi sekolah dan keberkesanan LDP terhadap kompetensi pengajaran guru muzik. Nilai 0.430 merupakan nilai koefisien regresi iklim organisasi sekolah terhadap kompetensi pengajaran guru muzik. Ini bermakna sekiranya iklim organisasi sekolah mengalami peningkatan, maka kompetensi pengajaran guru muzik akan mengalami peningkatan sebanyak 0.430 atau 43%. Manakala nilai 0.409 ialah nilai pekali regresi keberkesanan LDP terhadap kompetensi pengajaran guru muzik. Ini bermakna sekiranya keberkesanan LDP mengalami peningkatan, maka kompetensi pengajaran guru muzik juga akan mengalami peningkatan sebanyak 0.409 atau 40.9%.

Analisis regresi linear berganda ini menunjukkan bahawa iklim organisasi sekolah dan keberkesanan LDP secara signifikan mempengaruhi kompetensi pengajaran guru muzik, tetapi iklim organisasi sekolah lebih mempengaruhi kompetensi pengajaran guru muzik sebanyak 43% berbanding keberkesanan LDP hanya 40.9%.

Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap, hubungan, dan pengaruh antara iklim organisasi sekolah dan keberkesanan LDP terhadap kompetensi pengajaran guru muzik. Secara keseluruhannya, iklim organisasi sekolah mempunyai hubungan yang sederhana kuat dan paling berpengaruh terhadap kompetensi pengajaran guru muzik berbanding keberkesanan LDP, di mana hasil kajian menunjukkan kompetensi pengajaran guru muzik akan meningkat sekiranya iklim organisasi sekolah berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, tahap kebolehpercayaan item soal selidik juga adalah sangat baik dan cemerlang iaitu dengan nilai alpha Cronbach melebihi 0.80. Justeru, kajian ini dapat mengesahkan bahawa iklim organisasi sekolah merupakan faktor yang mempengaruhi kompetensi pengajaran guru muzik.

Rujukan

- Aziz, K. A., & Hussin, F. (2017). Pengaruh iklim organisasi terhadap kepuasan kerja guru di sekolah menengah dalam daerah Kuala Terengganu. *Proceedings of the ICECRS, 1(1)*.
- Begic, J. S., Begic, A., & Skojo, T. (2017). Opinions of university music teachers on the musical competencies necessary for primary education teachers. *International Journal of Higher Education*.
- Boyatzis, R. E. (1982). The competent manager: A model for effective performance. *John Wiley & Sons*.
- Cho, E. J., & Cho, H. S. (2021). The development and effects of the PBL-based early childhood music education program for enhancing the music teaching competency of early childhood pre-service teachers. *Childhood Education Research and Review*.
- Creswell, J. W. (2015). Revisiting mixed methods and advancing scientific practices. *In The Oxford handbook of multimethod and mixed methods research inquiry*.
- Creswell, J. W., & Creswell, J.D. (2017). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches. *Sage publications*.
- Denis, J. M., & Tucker, O. G. (2021). Acquiring competency in music, teaching and personal skill area: A survey of in-service teachers. *Contributions to Music Education*.

- Dubrovina, I., Moskalenko, T., & Zinchenko, O. (2020). Professional development of future teacher: Competency approach. *Cherkasy University Bulletin: Pedagogical Sciences*.
- Elaldi, Ş., Batdı, V., & Sönmez-Ölger, D. (2020). Music education competencies of preschool teachers and preservice preschool teachers. *Cumhuriyet International Journal of Education*, 9(2), 617-636.
- Hatice Celiktaş, Doruk Engur & Sezen Ozeke (2022). A thematic review of the studies on the music teacher competencies. *Canadian Center of Science and Education*.
- Ishak, R., & Rusman, S. N. F. (2018). Prestasi kerja guru dan hubungannya dengan faktor beban tugas, persekitaran kerja dan personal: kajian kes di sebuah sekolah di Sabah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(1), 1-15.
- Kirkpatrick, D. L. & Kirkpatrick, J. D. (2005). Evaluating training programs, Ed. Ke-3. *Berrett-Koehler Publishers, Inc*.
- Koca, Ş. (2017). Competencies of music teacher candidates taking pedagogical formation training. *International Online Journal of Educational Sciences*, 9(2), 370-380.
- Mohd Isa, M. F., Wan Mohd Noor, W. S., & Daud, Z. (2013). Faktor jurulatih mempengaruhi keberkesanan latihan: Satu kajian empirikal di Jabatan Meteorologi Malaysia. *Malaysian Journal of Science and Humanities*.
- Norfariza, A., Noor Azmi, M. Z., & Zahimi, Z. A. (2020). Peranan jurulatih terhadap keberkesanan latihan pegawai kadet PALAPES Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK) Ke-5*.
- Norsyamimi, N., & Mohammad, M. H. (2019). Kerangka kaedah kajian penyelidikan: Faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen prestasi kerja. *Malaysian Journal of Science and Humanities*.
- O'Flaherty, Joanne (2018). Teacher competency frameworks: What do we know and what should we know? www.info-ted.eu.
- Peter Ong & Mohd Sobrinordin (2016). Persepsi pelapis jurulatih utama (JU) muda KBAT terhadap kursus orientasi pelapis JU muda 2016. *Jurnal Penyelidikan Tempawan (UPSI)*.
- Suhairullah, O. R., Roslee, T., & Suhaimi, M. T. (2019). Hubungan peranan jurulatih dengan interaksi sosial di dalam pendidikan luar. *Malaysian Journal of Sciences and Humanities*.
- Zieger, Stacy (2018). List of core competencies for educators. <https://work.chron.com/list-core-competencies-educators-8916.html>.